

▼07/07/14-26MST

CNS9739

U GB 07-07 00168 BD298

AAB

Mahathir (EMBARGO: Untuk Siaran Selepas Jam 1530 hari ini, 7 Julai)  
SYARIKAT PERANCIS DIGESA TEMPATKAN R&D DI MALAYSIA  
Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

PARIS, 7 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa syarikat-syarikat Perancis, khususnya syarikat-syarikat multinasional yang besar, mengambil peluang daripada pertumbuhan pesat ekonomi Malaysia dengan menimbang untuk menempatkan aktiviti-aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) mereka di Malaysia.

Katanya, taman-taman teknologi telah diwujudkan bagi menyediakan infrastruktur bagi aktiviti-aktiviti R&D untuk menyokong operasi industri-industri berteknologi tinggi.

Perdana Menteri berkata demikian semasa berucap pada pertemuan dengan pegawai-pegawai tinggi industri dan para pelabur Perancis, yang dianjurkan "Conseil National du Patronat Francais" (CNPFF), di sini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah ahli-ahli perniagaan terkenal Malaysia.

Dr Mahathir yang berada di negara ini untuk lawatan rasmi empat hari berkata, sebagai negara perdagangan utama dengan sektor perkilangannya yang berkembang maju, Perancis berada pada kedudukan yang baik untuk meningkatkan penyertaannya dalam ekonomi Malaysia. -- Lagi.

▼07/07/13-33MST

CNS9742

U GB 07-07 00132 BD299

AAB

Mahathir 2 Paris (Embargo)

Katanya, Perancis mempunyai teknologi dalam pelbagai sektor perindustrian.

Malaysia boleh menggunakan pengalaman Perancis dalam industri-industri seumpama itu untuk terus memperkukuh dan mempelbagaikan asas perindustriannya khususnya dalam industri-industri yang berorientasikan eksport, nilai tambahan yang tinggi serta yang berteknologi tinggi, katanya.

Perdana Menteri berkata walaupun Perancis ialah pelabur utama Eropah di Malaysia, terdapat peluang untuk terus memperkukuhkan kerjasama dalam sektor perindustrian.

Beliau menyenaraikan industri-industri komponen-komponen penerbangan, kimia, farmaseutikal, peralatan dan jentera, barangan teknikal getah dan plastik, serta yang berasaskan pertanian dan sumber sebagai sebahagian daripada bidang yang menawarkan peluang kepada pelabur Perancis.

Perdana Menteri berkata Malaysia akan terus menjadi tempat pelaburan yang baik bagi pelaburan asing kerana ia terletak dalam rantau Asia Timur yang dinamik. -- Lagi.

▼07/07/13-41MST

CNS9748

U GB 07-07 00175 BD300

AAB

Mahathir 3 Paris (Embargo)

Sebagai negara keempat daripada segi daya saing antarabangsa di kalangan negara-negara ekonomi yang baru muncul, selepas Singapura, Taiwan dan Hong Kong, Dr Mahathir berkata kelebihan utama Malaysia ialah kekukuhan ekonomi dalam negara, kemudahan kewangan, dasar-dasar perdagangan antarabangsa, kerajaan yang stabil dan kemajuan pengurusan.

Sebagai tambahan, ia juga mempunyai kerajaan yang tidak pro-perniagaan.

Dr Mahathir berkata Perancis sebagai sebuah negara perdagangan utama dengan sektor pekilangan yang berkembang baik, tentunya berada dalam kedudukan yang baik untuk meningkatkan penyertaan mereka dalam ekonomi Malaysia.

Pada masa ini, Perancis ialah pelabur kelima terbesar di Malaysia dengan jumlah pelaburan AS\$1,900 juta bagi tempoh 1980-1993.

Jumlah perdagangan antara kedua-dua negara juga telah meningkat daripada AS\$680 juta pada 1989 kepada AS\$1,300 juta tahun lepas.

Mengenai Pusingan Uruguay mengenai MTN di Marrakesh yang berakhir baru-baru ini, Dr Mahathir berkata faedah sepenuhnya daripadanya hanya boleh diperolehi jika semua negara boleh menjadikan iltizam politik mereka kepada tindakan dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing dan terhadap perkara-perkara yang dipersetujui. -- Lagi.

▼07/07/13-46MST

CNS9751

U GB 07-07 00101 BD301

AAB

Mahathir 4 (Akhir) Paris (Embargo)

Beliau mengulangi pendirian Malaysia untuk menentang sekeras-kerasnya langkah negara-negara tertentu untuk mengaitkan perdagangan antarabangsa dengan standard buruh.

Perdana Menteri menggesa Perancis untuk memastikan bahawa Kesatuan Eropah (EU) yang anggotanya akan bertambah, terus mengamalkan dasar perdagangan yang terbuka dan meyumbang kepada memperkukuhkan sistem perdagangan pelbagai hala.

Austria, Finland, Norway dan Sweden akan menyertai kesatuan itu pada 1 Jan tahun depan.

Katanya, adalah perlu bagi Perancis memastikan perkara ini kerana negara itu adalah anggota penting EU, penyumbang besar kepada perdagangan antarabangsa. -- Bernama.

ARES AZ.

▼07/07/13-49MST